

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai pesawat jet rasmi Kerajaan, jumlah kos beli serta jumlah kos penyelenggaraannya satu demi satu.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pesawat Eksekutif Kerajaan adalah untuk kegunaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri. Pada masa ini, Kerajaan memiliki empat (4) buah Pesawat Eksekutif Kerajaan bagi tujuan Rasmi iaitu:

1. Dassault Falcon 900 yang diselia dan diselenggara oleh Tentera Udara DiRaja Malaysia;
2. Bombardier BD-700 yang turut diselia dan diselenggara oleh Tentera Udara DiRaja Malaysia;
3. Airbus Corporate Jet A319 yang disewa daripada Penerbangan Malaysia Berhad; dan
4. Airbus Corporate Jet A320 yang disewa beli melalui perjanjian selama 15 tahun dengan Jet Premier One (M) Sdn. Bhd.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 27 MEI 2015
[RABU]
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah dan program Kerajaan bagi memastikan kebersihan dan keceriaan bandar di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mewujudkan dan mengekalkan tahap kebersihan dan keceriaan bandar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuklah inisiatif kebersihan awam oleh agensi-agensi seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), pengindahan landskap oleh Jabatan Landskap Negara (JLN), kebersihan tandas awam oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan program *MyBeautiful Neighbourhood* oleh pelbagai agensi di bawah KPKT.

Dalam hal ini, KPKT telah memperuntukkan sejumlah RM49.8 juta di bawah Program MyBM (Malaysiaku Indah) untuk menaiktaraf tandas-tandas awam yang uzur milik PBT. Bagi maksud tersebut, sejumlah 418 tandas awam di 65 PBT telah dinaiktaraf pada tahun 2014, manakala sebanyak 330 tandas awam di 88 PBT pada tahun 2015. Bagi memastikan

kelestarian kebersihan tandas-tandas awam ini, JKT telah menerbitkan Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Awam di Kawasan PBT sebagai rujukan. Sehubungan dengan itu, semua PBT dikehendaki untuk menjalankan audit penarafan bintang tandas-tandas awam di bawah pengawasan mereka berpandukan kepada garis panduan tersebut.

Bagi memastikan bangunan-bangunan kediaman di bandar sentiasa dalam keadaan ceria dan baik, KPKT telah memperkenalkan dua (2) program utama bagi membantu pihak pengurusan bangunan berstrata dan penghuni untuk membaik pulih dan menyenggara kerosakan utama harta bersama rumah kos rendah awam dan kos rendah swasta di seluruh negara iaitu:

- a) **Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)** bagi rumah kos rendah awam. Program ini didasarkan kepada geran sepadan 90:10 seperti berikut:
 - (i) 90% daripada kos:
 - ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan; dan

(ii) 10% daripada kos:

- ditanggung oleh Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

b) Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi rumah kos rendah swasta dan sederhana rendah swasta dengan konsep pembiayaan seperti berikut:

(i) Kos Rendah Swasta:

- 90%: ditanggung TP1M; dan
- 10%: ditanggung Perbadanan Pengurusan (MC)/ Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Persatuan Penduduk.

(ii) Kos Sederhana Rendah Swasta:

- 70% ditanggung TP1M; dan
- 30% ditanggung oleh MC/ JMB/ Per. Penduduk.

Dalam memastikan kebersihan bandar terjamin pula, SWCorp memperhebatkan pelaksanaan Operasi Mata Helang iaitu pemantauan tahap kebersihan di semua kawasan seliaan dengan lebih terperinci dan menyeluruh bagi mengelakkan aduan daripada orang awam. Hasil pelaksanaan operasi ini, SWCorp telah berjaya mengurangkan peratusan aduan (yang kini telah mencatatkan penurunan purata jumlah penerimaan aduan dalam sebulan yang sangat ketara bagi tempoh Januari hingga April 2015 iaitu sebanyak 410 aduan berbanding 644 aduan bagi tahun 2014 atau peningkatan peratus penurunan jumlah purata penerimaan aduan sebulan dari 45% kepada 65%).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2015